

Boleh jalankan semua aktiviti, ketetapan ambil kira pandangan pakar

Kawasan Masjid India selamat

DEWAN
RAKYAT

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Kawasan Jalan Masjid India disahkan selamat untuk semua aktiviti selepas mengambil kira pandangan pakar pelbagai agensi serta pertubuhan profesional termasuk daripada Institusi Jurutera dan Pertubuhan Geoteknikal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr. Zaliha Mustafa berkata, ketetapan itu juga dibuat selepas Tindakan Audit Integriti Aset Utiliti oleh syarikat utiliti di kawasan 'Central Business District' termasuk Jalan Masjid India dilakukan.

"Penggunaan teknologi seperti kaedah 'Ground Penetrating Radar' (GPR) dan 'Mackintosh Probe' turut digunakan untuk menyiasat struktur tanah.

"Ujian geofizik seperti 'Micro Gravity' dan 'Ground Settlement Monitoring' juga digunakan untuk mengesan sebarang pergerakan tanah atau lohong bawah tanah," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan P. Prabakaran (**PH-Batu**), Teresa Kok Suh Sim (**PH-Seputeh**), RSN Rayer (**PH-Jelutong**) dan Fong Kui Lun (**PH-Bukit Bintang**) berkenaan insiden di Jalan Masjid India di sini sebelum ini.

Pada 23 Ogos lalu, seorang



GAMBAR fail menunjukkan kerja-kerja menyelamatkan mangsa warga India berusia 48 tahun yang tertimbus akibat tanah jerlus di Jalan Masjid India pada 23 Ogos lalu.

wanita warga India, G. Vijaya Lakshmi, 48, dilapor hilang selepas terjatuh ke dalam lubang sedalam lapan meter akibat tanah jerlus di Jalan Masjid India.

Zaliha berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula melaksanakan penyiasatan tanah mendalam menggunakan teknik 'Deep Boring' dan ujian makmal untuk memastikan struktur tanah stabil.

Tambah beliau, laporan geoteknikal untuk kawasan dikenal pasti berisiko akan turut disediakan oleh jurutera bertauliah.

Katanya, kerajaan mela-

lui DBKL menyumbangkan RM30,000 kepada keluarga mendiang Vijaya Lakshmi.

"Ketika kejadian berlaku, Kerajaan Malaysia sudah mengerahkan seluruh kekuatan anggota dan aset ke kawasan insiden. Dalam tempoh sembilan hari pencarian, sejumlah besar peruntukan digunakan bagi tujuan kos operasi.

"Jangan lupa anggota yang turut bergadai nyawa memasuki ruangan sempit dan berbahaya. Semua kos dan pengorbanan ini adalah bukti kerajaan tidak mengambil

mudah soal nyawa insan sama ada warga tempatan mahupun pelancong asing," katanya.



KERATAN
Kosmo! 1
September
2024.